JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 55/2020

## RUJUKAN: 4 – 11 JUN 2020


@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 11 Jun 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 7,065** atau 84.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,186 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **31 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **8,369 kes.** Kes import meliputi 35.5 peratus daripada catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 20 kes** dengan sebanyak **19 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 53.4 peratus**, Zon Selatan (22.1 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.5 peratus), Zon Pantai Timur (7.5 peratus) dan Zon Utara (5.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan** dengan **merekodkan 16 kes** disusuli Melaka (11 kes), Selangor (3 kes) dan W.P Kuala Lumpur (1 kes). Sejumlah **118 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **7,347,323 kes** dengan melibatkan **415,174 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,997,636 kes** disusuli oleh Brazil dengan 772,416 kes dan Rusia (493,023 kes). Secara umumnya, sebanyak 16 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 38,965 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (34,316 kes) dan Filipina (23,732 kes). Sementara itu, **27.2 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 9.9 peratus dan Brazil (9.6 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan adalah 3,442,690 kes dengan peratusan sebanyak 46.86 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **AS**: Pekerjaan sektor swasta merosot lebih rendah daripada yang dijangkakan pada bulan Mei. ADP melaporkan pekerjaan sektor swasta merosot sebanyak 2.76 juta pekerjaan pada bulan Mei berbanding 19.56 juta pekerjaan pada bulan April 2020. (RTT)

**EU**: EUROSTATS melaporkan harga pengeluar EU terus jatuh pada bulan April sejajar dengan harga tenaga yang lemah. Harga pengeluar mencatatkan kejatuhan tahunan sebanyak -4.5 peratus, lebih cepat daripada penurunan -2.8 peratus pada Mac 2020. Penganalisis ekonomi meramalkan penurunan sebanyak -4 peratus. Indeks harga pengeluar tidak termasuk tenaga turun -0.3 peratus setelah meningkat 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pada tempoh rujukan, harga tenaga turun -16.5 peratus. (RTT)

**EU**: Kadar pengangguran Itali terendah sejak 2007. Agensi rasmi statistik Italy ISTAT melaporkan, kadar pengangguran Itali turun ke tahap terendah dalam lebih dari dua belas tahun pada bulan April 2020 dengan catatan 6.3 peratus. Bilangan pencari kerja menurun kepada 1.54 juta pada bulan April daripada 2.03 juta pada bulan sebelumnya. Kadar pekerjaan turun kepada 57.9 peratus pada bulan April daripada 58.6 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

**CHINA**: Sektor perkhidmatan berkembang untuk pertama kalinya dalam 4 bulan. Sektor perkhidmatan China berkembang untuk pertama kalinya dalam empat bulan pada bulan Mei setelah langkah-langkah pengekangan krisis COVID-19 dilonggarkan. Indeks Pengurus Pembelian perkhidmatan IHS Markit meningkat kepada 55.0 pada bulan Mei dari 44.4 pada bulan April. Skor di atas 50 menggambarkan pengembangan. Tinjauan menunjukkan bahawa penyambungan semula operasi perniagaan dan peningkatan permintaan pelanggan dilaporkan menyebabkan kenaikan pertama dalam jumlah pesanan baru sejak Januari 2020. (RTT)

**JEPUN**: Perbelanjaan pakej rangsangan memerlukan bajet tambahan ketiga. Sokongan Jepun yang semakin meningkat untuk menstabilkan ekonominya mungkin memerlukan belanjawan tambahan ketiga bagi membantu mengatasi kelompangan antara kenaikan perbelanjaan dan penurunan penerimaan hasil cukai. Langkah-langkah tindak balas COVID-19, yang ditagih oleh Perdana Menteri Shinzo Abe sebagai yang terbesar di dunia, akan memperluas jurang antara pengeluaran dan pendapatan cukai Jepun ke catatan sekitar JPY100 trilion (AS$922 bilion) tahun ini. (Bloomberg)

**Indonesia**: Mendesak untuk membuka kembali ekonomi untuk mengekang kehilangan pekerjaan yang semakin meningkat. Indonesia menekan untuk membuka kembali ekonominya di tengah lonjakan wabak COVID-19, dengan kerajaan berusaha untuk meminimumkan kehilangan pekerjaan dan ancaman rusuhan. Ekonomi terbesar di Asia Tenggara perlu menyesuaikan diri dan mengatasi wabak itu, yang telah membuat 2 juta orang tidak bekerja dalam masa dua bulan, kata Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Airlangga Hartarto. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kerajaan mengumumkan pengecualian cukai jualan sebanyak 100 peratus** ke atas **jualan kereta penumpang pemasangan tempatan** dalam perutusan khas Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi tempoh 15 Jun hingga 31 Disember 2020.

2. **Permintaan getah dunia akan kembali mencatatkan pertumbuhan positif pada Jun 2020** dengan **jangkaan penggunaan getah asli berkembang sebanyak 0.4 peratus selepas merosot pada April (-23.1 peratus) dan Mei 2020 (-10.1 peratus)**. Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut menyatakan ini menggambarkan bahawa pasaran getah dijangka bergerak positif sejajar dengan peningkatan permintaan getah asli dunia.

3. **Kerajaan memberi pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isi rong mentah dan minyak isi rong sawit** yang diproses mulai 1 Julai hingga 31 Disember tahun ini, seperti diumum dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membantu meningkatkan nilai eksport komoditi itu ke luar negara.

4. **Syarikat penerbangan global dijangka mengalami kerugian sebanyak AS$84.3 bilion (RM360 bilion) tahun ini dengan margin keuntungan bersih merosot kepada -20.1 peratus**. Bagi tahun depan pula, **kerugian dijangka turun kepada AS$15.8 bilion (RM67.5 bilion) dengan perolehan meningkat kepada AS$ 598 bilion (RM2.6 trilion)**. Semua rantau diunjurkan akan mencatat kerugian tahun ini, Asia Pasifik mencatat kerugian bersih tertinggi iaitu sebanyak AS$29 bilion.

5. Kerajaan memperkenalkan **beberapa insentif cukai bagi merancakkan semula pasaran hartanah tempatan termasuk memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC)**. Usaha ini dijangka dapat meringankan beban pembeli rumah dengan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300, 000 hingga RM2.5 juta.

6. Pemulihan semula ekonomi adalah nadi dalam menjana ekonomi tempatan akibat daripada penularan wabak COVID-19. **Antara inisiatif PENJANA adalah pengecualian cukai selama 10 hingga 15 tahun bagi pelaburan langsung asing (FDI) baharu dalam**

**sektor pembuatan yang melibatkan pelaburan modal sebanyak RM300 juta atau lebih**. Langkah ini dijangka dapat mendorong pelabur untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

7. Syarikat penerbangan tambang murah **AirAsia Berhad** bakal menamatkan **perkhidmatan 111 daripada 1,900 kru kabin**, **172 juruterbang** dan **50 jurutera** dalam usaha pengecilan operasi. Kesemua yang terlibat akan dimaklumkan menerusi e-mel dalam tempoh 24 jam dan dijanjikan pampasan.

8. Trend kehilangan pekerjaan dijangka **meningkat dari April 2020**, dengan kehilangan pekerjaan **meningkat 50 peratus** kepada 200 peratus tahun ke tahun bagi setiap suku berikutnya pada 2020.

9. Syarikat tempatan, MR. D.I.Y. menawarkan lebih **1,000 pekerjaan** kepada rakyat Malaysia bagi **memenuhi peningkatan permintaan** bagi kepakaran yang relevan di cawangan seluruh negara dan ibu pejabatnya di Selangor.

10. Keputusan kerajaan membenarkan **aktiviti pelancongan domestik** dan **rentas negeri** semasa PKPP telah membuka peluang kepada **industri hotel kembali beroperasi.**

11. **Operasi penghantaran makanan** menerusi khidmat penghantar motosikal termasuk operasi premis makanan dibenarkan sehingga **jam 12 tengah malam** sepanjang tempoh PKPP.

12. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan pada Mei membabitkan lebih **5,000 ahli JobStreet** mendapati terdapat **lima industri yang mengambil pekerja** meskipun berdepan cabaran pandemik COVID-19 iaitu **teknologi maklumat (IT)**, **perkilangan**, **perbankan**, **runcit** dan **penjagaan kesihatan**.

13. **CGS-CIMB Research** menjangkakan **pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) sebanyak 1.71 juta tan** pada Mei, iaitu tertinggi sejak 2015 memandangkan tahun ini pekerja tidak dapat pulang menyambut Hari Raya di negara masing-masing kerana pandemik Covid-19.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **Local industries should move towards digitalisation in the new norm**<br><br>The government has provided incentives and assistance to encourage e-commerce adoption among SME entrepreneurs," he said in a statement today.<br><br>According to the statistics published by MITI, in 2018, the e-commerce sector contributed RM115.5 billion -- equivalent to around eight per cent of the country's gross domestic product. | http://english.astroawani.com/malaysia-news/local-industries-should-move-towards-digitalisation-new-norm-245608?_ga=2.44952493.848335158.1590979782-476550873.1571365781 |
| 2. | **Astro Awani** | **Telekomunikasi, sektor pembinaan perlu diperhebat - Ketua Ekonomi Bank Islam**<br><br>Dalam hal ini, kita dapat lihat sektor pembinaan telah mengalami penguncupan pada suku pertama lalu, jadi sekiranya kerajaan dapat melancarkan lagi beberapa projek yang telahpun dirancang, dan sekiranya perkara ini dilaksana dalam keadaan segera ini akan dapat meningkatkan lagi aktiviti ekonomi di peringkat domestik.<br><br>Ia seharusnya menggalakkan lagi kerjasama swasta dan kerajaan. Dalam hal ini perbankan boleh mainkan peranan sumber pendanaan kepada perusahaan kecil dan | http://www.astroawani.com/berita-bisnes/telekomunikasi-sektor-pembinaan-perlu-diperhebat-ketua-ekonomi-bank-islam-245687 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sederhana (PKS). Justeru, infrastruktur telekomunikasi di negara ini juga katanya perlu dipertingkatkan oleh kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila gaya kerja normal baharu bekerja dari rumah menjadi pilihan. | |
| 3. | **Berita Harian** | **PENJANA beri tumpuan besar kepada PKS**<br><br>Perdana menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan akan membantu setiap perniagaan, sama ada besar atau kecil yang menghadapi masalah aliran tunai termasuk membayar gaji pekerja dan sewa premis, menerusi beberapa langkah dalam usaha mendorong perusahaan mikro dan PKS beralih kepada khidmat digital atau atas talian.<br><br>Katanya, kerajaan bersama sektor swasta akan membiayai usaha berkenaan menerusi geran padanan sebanyak RM140 juta, di mana peruntukan itu akan digunakan untuk sesi latihan, subsidi penjual dan bantuan penjualan. Inisiatif itu akan diterajui oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bersama platform e-dagang yang terpilih. | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/06/696955/penjana-beri-tumpuan-besar-kepada-pks |
| 4. | **Bernama** | **Permintaan getah dunia akan kembali catat pertumbuhan positif pada Jun**<br><br>Permintaan getah dunia akan kembali mencatatkan pertumbuhan positif pada Jun | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1848189 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2020 dengan jangkaan penggunaan getah asli berkembang sebanyak 0.4 peratus selepas merosot pada April (-23.1 peratus) dan Mei 2020 (-10.1 peratus).<br><br>Lembaga Getah Malaysia (LGM) dalam kenyataan berkata ini menggambarkan bahawa pasaran getah dijangka bergerak positif sejajar dengan peningkatan permintaan getah asli dunia. | |
| 5. | **New Straits Times** | **Hotels, tourism players raring to welcome domestic tourists**<br><br>He said preparation such as implementing physical distancing as well as sanitisation and disinfection of vehicles has been in place for several weeks now.<br><br>These, he said, includes training tour guides to ensure compliance to the SOPs and safeguard tourists from possible infection. "This is to boost the confidence of travellers who may still be reserved because of the virus. I don't think Malaysians will hold back about going on domestic travels or interstate crossing because as we can see, they are strictly adhering to the SOPs when they are out in town and at restaurants," said Tan. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/598751/hotels-tourism-players-raring-welcome-domestic-tourists |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **The Star** | **Tourism sector all set for rebound**<br><br>Malaysian hotels are ready to receive and serve guests, and standard operating procedure (SOP) has always been part and parcel of hotel operations.<br><br>The Hotel Industry of Malaysia MAH: Moving Forward report expects a "slow but steady demand" in the third and fourth quarter of the year for hotel bookings as people take advantage of hotel promotions in advance. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/06/09/tourism-sector-all-set-for-rebound |
| 7. | **Berita Harian** | **JPO tawarkan diskaun sehingga 90 peratus, hotel perhebat promosi**<br><br>Pengerusi Pelancongan, Belia dan Sukan Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata kerajaan Johor menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Ahad lalu, yang membenarkan pelancongan domestik ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), yang bermula hari ini.<br><br>Di Johor, sektor perhotelan, pelancongan dan peruncitan berganding bahu menyahut seruan kerajaan yang membuka semula sektor pelancongan domestik dengan menawarkan pelbagai pakej harga bilik menarik, promosi serta diskaun hebat bagi menarik pelancong tempatan berkunjung ke negeri ini. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/698588/jpo-tawarkan-diskaun-sehingga-90-peratus-hotel-perhebat-promosi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | JPO di Senai yang menampilkan lebih 150 stor outlet pereka dan jenama terkenal dan terkemuka menawarkan diskaun sehingga 90 peratus terhadap produk mereka bermula hari ini. | |
| 8. | **New Straits Times** | **Domestic tourism officially reopens today**<br><br>Even though Visit Malaysia Year 2020 (VM2020) has been cancelled, she stressed that efforts to promote the country as a safe tourism destination will continue.<br><br>Among the strategies that will be prioritised in the tourism and cultural recovery plan are the use of digital platforms to regain the community's confidence, faith and trust to travel once more, while showing that Malaysia is indeed a safe destination that prioritises cleanliness, health and safety.<br><br>MOTAC will also be implementing a few initiatives in efforts to alleviate the burden on the tourism industry in the wake of the spread and threat posed by the COVID-19 pandemic. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/599443/domestic-tourism-officially-reopens-today |
| 9. | **The Star** | **April industrial production output falls 32% due to MCO**<br><br>The plunge in the IPI was worse than a Bloomberg survey of a 15.4% decline. The manufacturing sector output in | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/06/11/april-industrial-production-output-falls-32-due-to-mco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | April 2020 contracted by 37.2% on year-on-year basis after falling by 4.1% in March.<br><br>The main sub-sectors contributing to the decrease in manufacturing sector in April were non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (-62.7%), electrical and electronics products (-34.1%) and petroleum, chemical, rubber and plastic products (-21.4%). | |
| 10. | **The Edge Markets** | **Malaysia's manufacturing sales post a significant drop of 33% in April 2020**<br><br>On a month-on-month basis, the sales value went down by RM34.3 billion or 31.2%, while in seasonally adjusted terms, the sales value registered a decrease of 29.5%.<br><br>"The year-on-year (y-o-y) decline in sales value in April 2020 was due to the decrease in transport equipment & other manufactured products (-69.5%), non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (-67.5%) and electrical & electronics products (-39.6%)," Malaysia's chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said in a statement today. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-manufacturing-sales-post-significant-drop-33-april-2020 |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Industri dan perniagaan tempatan harus beralih ke digitalisasi sebagai media dalam mewujudkan jenama Malaysia secara global pada era "normal baru". E-dagang memberi peluang kepada peniaga untuk memasarkan dan mempromosikan produk ke pasaran yang lebih besar dengan cara yang lebih mudah.<br>2. Kerajaan akan membantu setiap perniagaan Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mikro yang menghadapi masalah aliran tunai akibat penutupan ekonomi selama dua (2) bulan susulan penularan COVID-19 melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).<br>3. Permintaan getah dunia akan kembali mencatatkan pertumbuhan positif pada Jun 2020 dengan jangkaan penggunaan getah asli berkembang sebanyak 0.4 peratus selepas merosot pada April (-23.1 peratus) dan Mei 2020 (-10.1 peratus). Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut menyatakan ini menggambarkan bahawa pasaran getah dijangka bergerak positif sejajar dengan peningkatan permintaan getah asli dunia.<br>4. Dengan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) akan melaksanakan rancangan pemulihan pelancongan dan budaya untuk menghidupkan kembali industri pelancongan domestik yang terjejas teruk akibat oleh PKP dan PKPB selama hampir tiga (3) bulan.<br>5. Penjualan pembuatan negara jatuh 33 peratus kepada RM75.8 bilion pada April 2020, berbanding dengan RM113.1 bilion yang dilaporkan untuk bulan yang sama tahun lalu, sebagai akibat daripada penutupan operasi perniagaan di bawah arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ekoran penularan wabak COVID-19. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Industri tempatan digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti e-dagang sebagai salah satu inisiatif meneruskan kelangsungan perniagaan pada normal baharu. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi e-dagang dimana sumbangan e-dagang kepada KDNK Malaysia merekodkan 8.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.<br>2. Kerajaan menyalurkan bantuan kepada usahawan PKS yang terjejas akibat pandemik wabak COVID-19 bagi merangsang pertumbuhan perniagaan mereka. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi PKS dan memberi kesan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2018, sumbangan KDNK PKS kepada KDNK Malaysia meningkat kepada 38.3 peratus daripada 37.8 peratus pada tahun sebelumnya. Nilai ditambah bagi PKS adalah RM521.7 bilion berbanding RM491.2 bilion pada tahun 2017.<br>3. Susulan pembukaan semula ekonomi negara dan kebanyakan negara di dunia, permintaan getah dunia mengalai pertumbuhan positif. Ini secara langsung akan memberi impak positif kepada sector pertanian dan secara |

keseluruhan kepada ekonomi negara. Pada ST1 2020, subsektor pertanian getah menyumbang 0.2 peratus kepada KDNK Malaysia.

4. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakkan Pemulihan (PKPP) yang membenarkan merentas negeri dan melakukan aktiviti pelancongan merupakan tanda permulaan pemulihan industri pelancongan selepas terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Pada tahun 2018, nilai ditambah kasar industri pelancongan merekodkan RM220.6 bilion dengan bertumbuh pada 10.0 peratus berbanding 10.3 peratus pada tahun 2017.
5. Susulan pandemik wabak COVID-19 dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan telah menyebabkan penjualan pembuatan negara mengalami kemerosotan yang ketara. Ini akan memberi kesan negatif kepada prestasi sektor Pembuatan dan secara keseluruhan kepada prestasi ekonomi negara. Pada ST1 2020, pertumbuhan sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus (ST4 2019: 3.0%) dengan menyumbang 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **MyMetro** | **RM50 masuk e-dompet**<br><br>Kerajaan akan mengkreditkan RM50 ke dalam akaun e-dompet pengguna. Inisiatif ini akan bermula pada Julai 2020 dan memanfaatkan 15 juta rakyat Malaysia. Kerajaan akan bekerjasama dengan syarikat swasta akan menjalankan kempen “Shop Malaysia Online” bagi menggalakkan rakyat berbelanja secara atas talian. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/586343/rm50-masuk-e-dompet-metrotv |
| 2. | **MyMetro** | **KPDNHEP bantu pulih aktiviti peruncitan dalam negeri**<br><br>KPDNHEP sedang meneliti beberapa inisiatif bertujuan merangsang aktiviti peruncitan dalam negeri bagi meningkatkan keyakinan pengguna berbelanja. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/588313/kpdnhep-bantu-pulih-aktiviti-peruncitan-dalam-negeri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **BH Online** | **Harga kereta Perodua turun hingga 6.0 peratus mulai hari ini**<br>PERODUA menjadi syarikat automotif pertama menurunkan harga semua model keluarannya antara tiga hingga enam peratus berkuatkuasa hari ini.<br>Pengurangan harga dipecahkan dua slot iaitu bermula hari ini hingga 14 Jun membabitkan pemberian rebat tunai untuk mengurangkan harga sebelum harga berkenaan dikekalkan sepanjang tempoh pengurangan cukai. | http://www.bhplus.com.my/bisnes/auto/2020/06/698544/harga-kereta-perodua-turun-hingga-60-peratus-mulai-hari-ini |
| | **B. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 4. | **New Straits Times** | **COVID-19 test a must for those going to Sabah and Sarawak**<br>Those who wish to travel to Sabah and Sarawak must undergo COVID-19 test before their trip, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said.<br>They can get the testing done at any private clinic in the peninsula before the trip. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/599530/COVID-19-test-must-those-going-sabah-and-sarawak |
| 5. | **New Straits Times** | **KPJ Q1 net profit eases 1.53 pct to RM38.53 mil, revenue increases to RM884.16mil**<br>KPJ Healthcare Bhd's net profit eased 1.53 per cent to RM38.53 million in the first-quarter (Q1) ended March 31, 2020, from RM39.13 million previously.<br>The private healthcare provider said lower earnings were dragged additional expenses borne by the group during | https://www.nst.com.my/business/2020/06/599774/kpj-q1-net-profit-eases-153-pct-rm3853-mil-revenue-increases-rm88416mil |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | COVID-19 for the purchase of material costs, personal protection equipment for the frontliners, ventilator machines, thermo scanners, surgical masks and hand sanitisers. | |
| | **C. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 6. | **The Sun Daily** | **Pubs and entertainers bracing for continued drop in earnings**<br><br>Under the recovery movement control order (RMCO), pubs and nightclubs are not allowed to reopen until Aug 31.<br><br>When reopen and all payments resume, the revenue is just 10% to 12% of what they used to make. | https://www.thesundaily.my/local/pubs-and-entertainers-bracing-for-continued-drop-in-earnings-JA2543218 |
| 7. | **Harian Metro** | **Syukur 'food truck' boleh niaga semula**<br><br>PENJAJA makanan dan kenderaan saji (food truck) lega apabila dibenarkan berniaga semula selepas lebih dua bulan tidak beroperasi.<br>Walaupun sambutan diterima masih perlahan namun jualan masih boleh memberi sedikit keuntungan untuk menampung perbelanjaan harian. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/586283/syukur-food-truck-boleh-niaga-semula |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 8. | **Malaysia Kini** | **Bilik RM1,350 di Langkawi dijual pada RM120**<br><br>Tanjung Rhu Resort, menawarkan potongan pada kadar RM120 semalam bagi sebuah bilik yang asalnya | https://m.malaysiakini.com/news/529430 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berharga RM1,350 kepada penduduk Kedah dan kepada penduduk luar kedah RM280 termasuk sarapan.<br><br>Ombak Villa Langkawi beroperasi pada 20 Jun dengan promosi harga bilik penginapan untuk satu malam RM190 untuk Ombak Suite berbanding kadar yang ditetap iaitu RM1,500; RM230 untuk Ombak Triple (RM2,500) dan RM750 untuk Seroja Honeymoon Suite. | |
| 9. | **The Star** | **Over 100 Sarawak hotels are closing or have closed down**<br><br>Over 100 hotels in Sarawak have closed down or are in the midst of being wound up since the movement control order (MCO).<br><br>Hotels have been badly hit as they were forced to close for two months April and May and zero income during these two months, and the bulk of a hotel's expenses are rental, the salaries of workers and the utility bills. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/06/11/over-100-sarawak-hotels-are-closing-or-have-closed-down#.XuHDgjkRJ8M.whatsapp |
| | **E. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi** | | |
| 10. | **New Straits Times** | **Bowling, badminton among sports allowed during RMCO**<br><br>Sports and recreational activities will be allowed to resume, subject to standard operating procedures during the Recovery Movement Control Order (RMCO). | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/598716/bowling-badminton-among-sports-allowed-during-rmco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Activities include training for teams gearing up for tournaments, as well as sports which do not involve physical contact such as bowling, badminton, archery, shooting and others.<br><br>Sports tournaments and games which involve gatherings of supporters and spectators at stadiums are still prohibited | |
| 11. | **New Straits Times** | **New RMCO rules vs CMCO rules: Water theme parks, karaoke centres, playgrounds in malls not allowed**<br><br>The banned activities were organising of sports events and tournaments, entertainment outlets, pubs and movie theatres. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/599523/11-activities-still-banned-during-rmco |
| | **F. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 12. | **BH Online** | **Semua aktiviti sosial, pendidikan dan keagamaan dibenarkan beroperasi**<br><br>Semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, akan dibenarkan beroperasi semula secara berperingkat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).<br><br>Aktiviti komersial yang membabitkan urus niaga jualan dan pemasaran bukan dalam premis perniagaan juga | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/697506/semua-aktiviti-sosial-pendidikan-dan-keagamaan-dibenarkan-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dibenarkan seperti dobi layan diri. | |

Penemuan penting & isu:

1. Pemberian e-dompet sebanyak RM50 akan menggalakkan pengguna berbelanja secara atas talian.
2. Kerajaan sedang meneliti beberapa inisiatif bagi membantu sektor peruncitan dalam negeri, di mana pembabitan pemain industri turut diperlukan bagi memberi sokongan dan pandangan berhubung perkara ini.
3. Perodua menawarkan pengurangan harga kereta bermula 11 Jun hingga 14 Jun 2020 dengan pemberian rebat tunai sebelum harga rendah dikekalkan bermula 15 Jun sehingga akhir Disember ini.
4. Promosi bagi harga bilik hotel kepada penduduk negeri Kedah pada harga RM120 semalam (tanpa sarapan) diteruskan hingga hujung bulan ini manakala untuk penduduk di luar negeri Kedah pada harga RM280 semalam dengan sarapan sehingga 31 Ogos.
5. Berdasarkan statistik dari Persatuan Hotel Bajet Malaysia, 100 hotel di negeri Sarawak telah ditutup akibat terpaksa menanggung kerugian yang berterusan.
6. Mereka yang ingin melancong ke Sabah dan Sarawak mesti menjalani ujian COVID-19 sebelum perjalanan mereka.
7. Pendapatan penyedia penjagaan kesihatan swasta lebih rendah disebabkan perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi pembelian kos bahan, peralatan perlindungan diri untuk barisan hadapan, mesin ventilator, pengimbas termo, topeng pembedahan dan pembersih tangan.
8. Penutupan berterusan pusat hiburan dan kelab malam menjejaskan pendapatan pengusaha.
9. Kebenaran untuk food truck beroperasi semula memberikan kelegaan kepada peniaga yang menjadi sumber pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup
10. Hampir kebanyakan industri berkaitan kesenian, hiburan & kreatif, aktiviti perpustakaan, arkib, muzium & kebudayaan lain dan aktiviti sukan dan aktiviti hiburan & rekreasi telah mula dibuka secara berperingkat mulai 10 Jun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peraturan untuk menjalani ujian COVID-19 bagi pelancong ke Sabah dan Sarawak membantu menyumbang hasil kepada klinik swasta.
2. Pembelian peralatan yang khusus semasa COVID-19 meningkatkan kos operasi penyedia perkhidmatan kesihatan.
3. Pengumuman pembukaan industri berkaitan subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi akan memperbaiki keadaan ekonomi negara.
4. Bahagian akan mengambil perhatian terhadap semua sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPP semasa penyediaan statistik pada suku kedua 2020 nanti.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>**7 Jun 2020** | **Penjana palm oil tax exemption a relief for planters**<br><br>The government on Friday announced a 100% exemption on export duty on crude palm oil, crude palm kernel oil and processed palm kernel oil from July 1, 2020 to Dec 31, 2020.<br><br>The announcement also bodes well with India's decision to import 1.14 million tonnes of vegetable oil in June from the April-May monthly average of 865,000 million tonnes.<br><br>Last year, Malaysia exported 18.46 million tonnes of palm oil compared with 16.48 million tonnes in 2018. The top three buyers were India which took 4.4 million tonnes (2018: 2.51 million tonnes), China (2.49 million tonnes; 2018:1.85 million tonnes) and Pakistan (1.08 million tonnes; 2018:1.16 million tonnes). | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/06/07/penjana-palm-oil-tax-exemption-a-relief-for-planters |
| 2. | **Berita Harian**<br>**4 Jun 2020** | **PETRONAS tembusi pasaran LNG Myanmar**<br><br>Petronas, melalui anak syarikatnya, Petronas LNG Ltd (PLL), menyelesaikan penghantaran gas asli cecair (LNG) ke Yangon, Myanmar, melalui dua kargo yang dihantar pada Mei dan Jun 2020. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/06/696273/petronas-tembusi-pasaran-lng-myanmar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Penghantaran dua kargo LNG itu adalah sebahagian daripada perjanjian penjualan serta pembelian induk membabitkan PLL dan CNTIC VPower yang dimeterai pada awal 2020.<br><br>CNTIC VPower adalah sebuah syarikat usaha sama yang diperbadankan di antara China National Technical Import and Export Corporation (CNTIC) dan VPower Group International Holdings Ltd (VPower Group).<br><br>Sebagai sebahagian daripada perjanjian berkenaan, kargo itu dijual secara 'free on board', membabitkan sebanyak 190,000 meter padu LNG.<br><br>Kedua-dua kargo LNG itu telah dimuatkan di Kompleks LNG PETRONAS di Bintulu, Sarawak dan dihantar pada 7 Mei 2020 dengan kapal CNTIC VPower Global, manakala pada 3 Jun 2020, ia dihantar dengan kapal tangki Golar Kelvin. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>**11 Jun 2020** | **Harga sawit melonjak dirangsang permintaan India China Pakistan**<br><br>Niaga hadapan minyak sawit melonjak hari ini dengan peningkatan keyakinan bahawa negara pengguna utama seperti India, China dan Pakistan akan meningkatkan pembelian selepas tertangguh akibat penularan pandemik COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/06/699106/harga-sawit-melonjak-dirangsang-permintaan-india-china-pakistan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Import China dari Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar komoditi itu, meningkat sekitar 74 peratus berbanding bulan sebelumnya dalam tempoh 10 hari pertama bulan Jun, sementara itu pembelian India melonjak 163 peratus dan penghantaran ke Pakistan melonjak 250 peratus. | |
| 4. | **Malay Mail**<br>**10 Jun 2020** | **Despite COVID-19 pandemic, China's love for Malaysian durians knows no bounds**<br><br>Malaysian durians continue to be a hit in China, driven by strong demands and consumption from the Chinese for the King of Fruit.<br><br>The Chinese's insatiable fondness for the King of Fruit, known for its distinctive smell and thorn-covered rind, is evident in China's total import of 600,000 tonnes of durian worth US$1.7 billion (RM7.24 billion) in 2019.<br><br>However, the import of durian from Malaysia only account for a very small percentage of the market share in China. As of now, durians from Malaysia are only available in several major cities in China and via online platforms.<br><br>The approval for the transport of whole durians starting mid-2019 has led to a surge in the export of the fruit, amounting to 7,700 tonnes (including pulps | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/06/10/despite-COVID-19-pandemic-chinas-love-for-malaysian-durians-knows-no-bounds/1874076 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | and pastes) in 2019 worth some US$67 million. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan memberi pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isi rong mentah dan minyak isi rong sawit yang diproses mulai 1 Julai hingga 31 Disember tahun ini, seperti diumum dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membantu meningkatkan nilai eksport komoditi itu ke luar negara. Sejak 1 Jun lalu, peningkatan harga bagi minyak sawit mentah (MSM) atau Crude Palm Oil (CPO) mencecah RM2,366 dan pada 3 Jun sebanyak RM2,389.50 untuk satu tan.
2. Petronas, melalui anak syarikatnya, Petronas LNG Ltd (PLL), menyelesaikan penghantaran gas asli cecair (LNG) ke Yangon, Myanmar, melalui dua kargo yang dihantar pada Mei dan Jun 2020. Penghantaran dua kargo LNG itu adalah sebahagian daripada perjanjian penjualan serta pembelian induk membabitkan PLL dan CNTIC VPower yang dimeterai pada awal 2020. Sebagai sebahagian daripada perjanjian berkenaan, kargo itu dijual secara *'free on board'*, membabitkan sebanyak 190,000 meter padu LNG. Kedua-dua kargo LNG itu telah dimuatkan di Kompleks LNG PETRONAS di Bintulu, Sarawak
3. Niaga hadapan minyak sawit melonjak hari ini dengan peningkatan keyakinan bahawa negara pengguna utama seperti India, China dan Pakistan akan meningkatkan pembelian selepas tertangguh akibat penularan pandemik COVID-19. Import China dari Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar komoditi itu, meningkat sekitar 74 peratus berbanding bulan sebelumnya dalam tempoh 10 hari pertama bulan Jun, sementara itu pembelian India melonjak 163 peratus dan penghantaran ke Pakistan melonjak 250 peratus.
4. Durian Malaysia kekal menjadi pilihan dan rebutan dalam kalangan rakyat China yang dipacu permintaan kukuh terhadap raja buah itu. China mengimport 600,000 tan durian bernilai AS$1.7 bilion (RM7.24 bilion) pada tahun lalu. Bagaimanapun, import durian dari Malaysia menyumbang peratusan kecil di pasaran China. Setakat ini, durian Malaysia hanya terdapat di beberapa bandar utama di China dan hanya boleh dibeli melalui platform dalam talian. Kelulusan mengeksport durian dalam bentuk biji (*whole fruits*) bermula pertengahan 2019 mencetuskan lonjakan eskport berjumlah 7,700 tan (termasuk isi dan pes) pada tahun lalu bernilai AS$67 juta.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak sawit mentah pada tahun 2019 ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada April 2020, minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa

sawit (7.8% daripada jumlah eksport), menurun RM126.5 juta (-2.4%) kepada RM5.0 bilion tahun ke tahun. Eksport minyak kelapa sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini merosot RM48.5 juta atau 1.6% disebabkan oleh penurunan dalam volum eksport (-19.5%) walaupun nilai purata seunit meningkat 22.3%.

2. Nilai eksport gas asli cecair pada tahun 2019 ialah RM44.3 bilion. Malaysia mengeksport gas asli cecair ke Jepun (RM16.3 bilion, 36.8%), China (RM10.4 bilion, 23.5%) dan Korea (RM7.5 bilion, 17.0%). Pada April 2020, eksport gas asli cecair, menurun RM737.6 juta atau 20.5% kepada RM2.9 bilion tahun ke tahun disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua volum eksport (-18.3%) dan nilai purata seunit (-2.8%).
3. Pada tahun 2019, Malaysia mengeksport durian (termasuk durian sejuk beku) sebanyak RM424.1 juta. Malaysia mencatatkan nilai eksport durian yang tertinggi pada suku ketiga 2019 iaitu bernilai RM173.3 juta. China merupakan antara negara utama mengimport durian Malaysia.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge** | **Minho timber complex in Pahang temporarily closed due to COVID-19**<br><br>Minho (M) Bhd's timber complex in Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur has been temporary closed by authorities due to the Covid 19 pandemic outbreak. | https://www.theedgemarkets.com/article/minho-timber-complex-pahang-temporarily-closed-due-covid19 |
| 2. | **The Edge** | **Malaysia end-May palm oil stocks seen up 9.9% at six-month high**<br><br>Malaysian palm oil inventories at the end of May likely jumped 9.9% from the previous month as production rose, hitting the highest level in six months, despite a recovery in exports. | https://www.theedgemarkets.com/article/ho-hup-allocate-substantial-part-ecrl-contracts-local-vendors |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian** | **Industri buluh sumber baharu ekonomi Negara**<br><br>Industri perkayuan berasaskan buluh dan pemprosesan makanan daripada rebung pastinya memberi pulangan ekonomi serta peluang pekerjaan yang baik disamping dapat memelihara kelestarian alam sekitar. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/699168/industri-buluh-sumber-baharu-ekonomi-negara |
| 4. | **The Edge** | **Iconic Worldwide starts making face masks, says orders fully taken up until July**<br><br>Penang-based tourism and property development outfit Iconic Worldwide Bhd (formerly known as Sanbumi Holdings Bhd) is venturing into face mask manufacturing, initially targeting factory and construction companies in Malaysia. | https://www.theedgemarkets.com/article/iconic-worldwide-starts-making-face-masks-says-orders-fully-taken-until-july |

Penemuan penting & isu:

1. The Ministry of Health has temporary sealed off the Timber Complex for quarantine and disinfection process and all workers were sent to quarantine center
2. May stockpiles are seen at 2.25 million tonnes, rising for a third successive month amid the coronavirus outbreak.
3. Antara syarikat yang terbabit dengan perladangan buluh pada masa ini adalah New Generation Bamboo (Nami, Sik Kedah – tanah di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Subur Tiasa Sdn Bhd (Sabal, Sarawak) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA).
4. Iconic manufacturing facility located at Juru, Penang is capable of producing face masks at a rate of 100pcs/min, amounting to approximately two to three million face masks a month
.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPIB mengambil maklum berkenaan penutupan Minho Timber Complex akibat penularan wabak COVID-19 pada May 2020.
2. Bahagian mengambil maklum eningkatan dalam stok minyak sawit walaupun terdapat pemulihan dalam aktiviti eksport.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3. Bahagian turut mengambil maklum perladangan buluh yang mula berkembang dan mendapat perhatian.<br>4. Bahagian juga turut mengambil maklum syarikat-syarikat mula mengambil peluang untuk memasuki pasaran pembuatan penutup muka yang mempunyai permintaan tinggi sejak penularan wabak COVID-19. | | |
| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Sempadan Malaysia-Thailand masih ditutup**<br><br>Orang ramai masih tidak dibenarkan melalui pintu sempadan Malaysia-Thailand, kecuali mendapat kebenaran kedutaan masing-masing, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Kedutaan Malaysia dan Kedutaan Thailand akan memaklumkan kepada Imigresen sekiranya ada pergerakan melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) berlaku.<br><br>Jumlah pergerakan keluar rakyat Thailand yang berada di Malaysia dan juga sebaliknya sangat rendah sejak pelaksanaan kawalan pergerakan pada Mac lalu. | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/696224/sempadan-malaysia-thailand-masih-ditutup |
| 2. | **Bernama** | **Imports from South Korea surges 323.9 pct in April 2020**<br><br>Malaysia's imports from South Korea surged by 323.9 per cent year-on-year (y-o-y) to RM13.02 billion in April 2020 compared to the same month in 2019, amidst the COVID-19 pandemic. The substantial | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1847912 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | increase was due to import of liquefied natural gas floating structure. Exports to South Korea, however, slipped 2.7 per cent y-o-y to RM2.4 billion during the month from RM2.47 billion previously.<br><br>On a monthly basis, imports from South Korea soared 248.9 per cent to RM13.02 billion in April 2020 from RM3.73 billion recorded in March 2020, while exports fell 22.3 per cent to RM2.4 billion from RM3.09 billion previously. Overall, MITI said Malaysia's trade during the month decreased by 16.4 per cent y-o-y to RM133.34 billion due to the COVID-19 pandemic which caused major disruptions in the global supply chain. Lower trade was recorded particularly with Singapore, Thailand, India, the United States, Japan, Vietnam and Saudi Arabia. | |
| 3. | **New Straits Times** | **COVID-19, US-China tension caused major disruptions to Malaysia, global supply chain**<br><br>COVID-19 has emerged as the top risk to global trade flows, after Malaysia posts its lowest monthly export performance in more than 10 years. The pandemic, together with the reescalation of the US-China tension, had caused major disruptions to global supply chain and would hinder most countries' effort to restart their respective economies. | https://www.nst.com.my/business/2020/06/598165/COVID-19-us-china-tension-caused-major-disruptions-malaysia-global-supply |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia's exports dived 23.8 per cent year-on-year (yoy) to RM64.92 billion in April. This is the hardest fall since September 2009, manifesting the impact of a full-month of the Movement Control Order (MCO). | |
| 4. | **Berita Harian** | **PENJANA mampu jadi Malaysia paling kompetitif di ASEAN - EY**<br><br>Pengumuman insentif cukai dan elaun pelaburan semula khas yang digariskan kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dijangka berupaya meletakkan Malaysia antara negara paling kompetitif di ASEAN untuk pelaburan langsung asing (FDI).<br><br>FDI turut menyumbang kemudahan infrastruktur di negara ini yang bertaraf dunia, kesalinghubungan serta kumpulan tenaga kerja pakar yang mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa. Malaysia mengumumkan insentif cukai dan elaun khas pelaburan semula di bawah PENJANA untuk menggalakkan pelabur menempatkan semula operasi besar ke negara ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/697439/penjana-mampu-jadi-malaysia-paling-kompetitif-di-asean-ey |
| 5. | **Berita Harian** | **Syarikat penerbangan global dijangka rugi RM360 bilion**<br><br>Syarikat penerbangan dijangka mengalami kerugian sebanyak AS$84.3 bilion (RM360 bilion) | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/698560/syarikat-penerbangan- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | tahun ini dengan margin keuntungan bersih merosot kepada -20.1 peratus. Sementara itu, perolehannya akan turun kepada sebanyak AS$419 bilion (RM1.8 trilion). Bagi tahun depan pula, kerugian dijangka turun kepada AS$15.8 bilion (RM67.5 bilion) dengan perolehan meningkat kepada AS$ 598 bilion (RM2.6 trilion). Dari segi kewangan, 2020 akan menjadi tahun terburuk dalam sejarah penerbangan.<br><br>Secara purata, pada setiap hari tahun ini sebanyak AS$230 juta (RM982.3 juta) kerugian ditanggung industri itu. Ini bermakna berdasarkan anggaran 2.2 bilion penumpang tahun ini, syarikat penerbangan akan kehilangan AS$37.54 (RM160.33) bagi setiap penumpang. Semua rantau diunjurkan akan mencatat kerugian tahun ini, Asia Pasifik mencatat kerugian bersih tertinggi iaitu sebanyak AS$29 bilion. | global-dijangka-rugi-rm360-bilion |

Penemuan penting & isu:

1. Pintu sempadan Malaysia-Thailand masih ditutup kepada orang ramai. Jumlah pergerakan keluar rakyat Thailand yang berada di Malaysia dan juga sebaliknya sangat rendah sejak pelaksanaan kawalan pergerakan pada Mac lalu.
2. Import Malaysia dari Korea Selatan melonjak kepada RM13.02 bilion pada April 2020 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Secara keseluruhan, perdagangan Malaysia pada April 2020 menurun sebanyak 16.4 peratus disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menyebabkan gangguan terhadap rantaian bekalan global.
3. COVID-19 telah menjadi risiko utama kepada aliran perdagangan dunia, selepas Malaysia mencatatkan prestasi eksport bulanan yang terendah melebihi 10 tahun. Pandemik tersebut dengan peningkatan semula

ketegangan US-China telah menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan dunia dan menghalang usaha oleh kebanyakan negara utnuk memulihkan semula ekonomi masing-masing.
4. Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dijangka akan membantu Malaysia menjadi negara yang kompetitif di ASEAN untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI). Pengumuman insentif cukai dan elaun pelaburan semula khas yang digariskan kerajaan di bawah PENJANA dapat menggalakkan pelabur menempatkan semula operasi besar ke negara ini.
5. Syarikat penerbangan global dijangka mengalami kerugian sebanyak AS$84.3 bilion (RM360 bilion) tahun ini dengan margin keuntungan bersih merosot kepada -20.1 peratus. Bagi tahun depan pula, kerugian dijangka turun kepada AS$15.8 bilion (RM67.5 bilion) dengan perolehan meningkat kepada AS$ 598 bilion (RM2.6 trilion). Semua rantau diunjurkan akan mencatat kerugian tahun ini, Asia Pasifik mencatat kerugian bersih tertinggi iaitu sebanyak AS$29 bilion.

Maklumbalas Bahagian:
1. Penutupan pintu sempadan Malaysia-Thailand kepada orang ramai bakal dilihat kesannya dalam komponen Perjalanan. Pada suku tahun pertama 2020, eksport perjalanan mencatatkan RM12.2 bilion manakala import pula ialah RM10.2 bilion.
2. Lonjakan import Malaysia dari Korea Selatan pada April 2020 berbanding tempoh yang sama tahun lepas serta impak COVID-19 dan ketegangan US-China yang menjejaskan prestasi eksport Malaysia akan dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya dalam Akaun Barangan. Pada suku tahun pertama 2020, Akaun Barangan telah merekodkan lebihan sebanyak RM28.9 bilion.
3. Inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) akan mempengaruhi penyusunan Akaun Kewangan dan statistik FDI. Pada suku tahun pertama 2020, FDI telah mencatatkan aliran masuk bersih RM6.4 bilion.
4. Jangkaan kerugian syarikat penerbangan global tahun ini akan mempengaruhi komponen Pengangkutan. Pada suku tahun pertama 2020, eksport pengangkutan mencatatkan RM4.3 bilion manakala import pula ialah RM11.1 bilion.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>4 June 2020 | **Moving travel industry forward**<br><br>Malaysia's tourism sector has been greatly impacted by the COVID-19 outbreak, similar to | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/06/04/moving-travel- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the fate suffered by so many countries worldwide.<br><br>Sarawak's estimated targeted tourist arrivals for this year was originally five million but has reduced 52 per cent to 2.4 million due to COVID-19.<br><br>In Perak, programmes to kick-start the tourism industry in stages and mitigate the adverse effects of COVID-19 were in the pipeline, leveraging on Perak's reputation as a 'green state' by promoting domestic tourism.<br><br>Sabah plans to develop new tourism products to improve the situation while empowering the local community. | industry-forward#cxrecs_s |
| 2. | **Berita Harian**<br>5 Jun 2020 | **PENJANA ringan beban pembeli rumah – REHDA**<br><br>Kerajaan memperkenalkan beberapa insentif cukai bagi merancakkan semula pasaran hartanah tempatan termasuk memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC).<br><br>Pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta.<br><br>Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas | https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2020/06/696949/penjana-ringan-beban-pembeli-rumah-rehda |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pelupusan rumah kediaman bermula 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021.<br><br>Selain itu, had pembiayaan bagi pinjaman rumah ketiga dan seterusnya bernilai RM600 ribu ke atas tidak lagi tertakluk kepada 70 peratus daripada nilai rumah, ketika tempoh program HOC, tertakluk kepada pengurusan risiko dalaman institusi kewangan. | |
| 3. | **Bernama**<br>7 June 2020 | **Revitalising economy through tough times**<br><br>With jobs in the services and manufacturing sectors hanging by a thread due to an economic downturn, particularly in the second quarter, economic revitalisation is the pulse in rebuilding the local economy as the nation fights COVID-19.<br><br>Malaysia has placed bold measures to boost investments following the introduction of the 10 to 15 years of tax exemption for new foreign direct investment (FDI) in the manufacturing sector which involves capital investment of RM300 million or more.<br><br>The 100 per cent investment tax allowance for five years for existing companies that relocate their overseas facilities to Malaysia would allow Malaysia to differentiate itself and encourage investors to choose Malaysia as the | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1848788 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | preferred investment destination in the region. | |
| 4. | **Berita Harian**<br>8 Jun 2020 | **6.3 juta pelanggan kediaman TNB dapat diskaun 15 hingga 50 peratus**<br><br>Lebih 80 peratus pelanggan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menikmati diskaun antara 15 dan 50 peratus, mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan dari tempoh 1 April hingga 30 September tahun ini.<br><br>Kerajaan menerusi TNB memperuntukkan RM530 juta untuk pemberian diskaun berperingkat itu bagi tempoh enam bulan.<br><br>Kadar yang diperkenalkan menerusi pakej PRIHATIN tersebut akan dinikmati pengguna sektor kediaman B40 dan M40 yang berjumlah 6.3 juta daripada keseluruhan lebih 7.5 juta pengguna. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/697824/63-juta-pelanggan-kediaman-tnb-dapat-diskaun-15-hingga-50-peratus |
| 5. | **The Malaysian Reserve**<br>10 June 2020 | **Sarawak allows airlines to fly in full capacity**<br><br>The Sarawak State Disaster Management Committee (SDMC) has approved the decision for full capacity flights between Peninsular Malaysia and Sarawak, and vice versa, effective 10 June 2020. The decision was made after taking into consideration various factors. | https://themalaysianreserve.com/2020/06/10/sarawak-allows-airlines-to-fly-in-full-capacity/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Although the approval has been given for inter-state travel and on 100 per cent flight capacity, all agencies such as the airport operators and airline operators must follow strictly the Standard Operating Procedures (SOP) on the passengers at the terminal and while inside the aircraft.<br><br>In order to help accelerate domestic economic recovery, he said all airlines, whether operating to and from Sarawak or operating within the state were allowed to resume their flights according to their frequencies before the enforcement of the Movement Control Order (MCO) introduced on March 18. | |
| 6. | **Berita Harian**<br>11 Jun 2020 | **PENJANA pelan ekonomi tepati jangkaan**<br><br>Secara keseluruhannya, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) menepati jangkaan menurut kumpulan pemikir bebas dan tidak berkepentingan, Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERC).<br><br>Penggunaan domestik dan perbelanjaan modal perniagaan akan pulih secara beransur-ansur dan seiring dengan peningkatan keyakinan pengguna serta sentimen perniagaan.<br><br>Walaupun persekitaran luaran masih memberi kesan, usaha | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/698791/penjana-pelan-ekonomi-tepati-jangkaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | meningkatkan semula keyakinan pengguna dan pelabur domestik akan menjadi kunci bagi melonjakkan pemulihan ekonomi negara.<br><br>Usaha itu perlu bertunjangkan kelancaran aliran komunikasi membabitkan dasar-dasar rangsangan dan pengukuhan ekonomi oleh Kerajaan yang disokong oleh makroekonomi serta kestabilan politik. | |

Penemuan penting & isu:

1. Sektor pelancongan Malaysia menerima kesan daripada wabak COVID-19, sama seperti senario yang dialami oleh negara lain di seluruh dunia. Anggaran kedatangan pelancong ke Sarawak yang disasarkan pada awalnya sebanyak lima juta bagi tahun 2020 menurun 52 peratus kepada 2.4 juta. Di Perak, inisiatif bagi merancakkan industri pelancongan telah bermula dengan memanfaatkan reputasi negeri itu sebagai 'negeri hijau' melalui promosi pelancongan domestik. Sementara itu, Sabah merancang untuk mengembangkan produk pelancongan baharu bagi pemulihan sektor pelancongan.
2. Kerajaan memperkenalkan beberapa insentif cukai bagi merancakkan semula pasaran hartanah tempatan termasuk memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC). Usaha ini dijangka dapat meringankan beban pembeli rumah dengan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta.
3. Pemulihan semula ekonomi adalah nadi dalam menjana ekonomi tempatan akibat daripada penularan wabak COVID-19. Antara inisiatif PENJANA adalah pengecualian cukai selama 10 hingga 15 tahun bagi pelaburan langsung asing (FDI) baharu dalam sektor pembuatan yang melibatkan pelaburan modal sebanyak RM300 juta atau lebih. Langkah ini dijangka dapat mendorong pelabur untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.
4. Lebih 80 peratus pelanggan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menikmati diskaun antara 15 dan 50 peratus berdasarkan penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan bagi tempoh 1 April hingga 30 September tahun ini. Diskaun tersebut melibatkan seramai 6.3 juta pengguna kediaman daripada keseluruhan 7.5 juta pengguna di bawah kategori B40 dan M40.
5. Penerbangan antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak telah beroperasi sepenuhnya pada 10 Jun 2020. Semua agensi seperti

| | |
|---|---|
| | pengendali lapangan terbang dan pengendali syarikat penerbangan mesti mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) di terminal dan semasa penumpang berada di dalam pesawat. Syarikat penerbangan dibenarkan untuk beroperasi semula susulan pengumuman kebenaran merentas negeri bermula 10 Jun 2020 antaranya dapat membantu untuk mempercepat pemulihan ekonomi domestik. |

Maklumbalas Bahagian:

1. Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19. Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan Kerajaan mampu merangsang pembangunan industri pelancongan, seni dan budaya Negara. Di samping itu, Kerajaan mengambil langkah untuk menjana semula sektor pelancongan domestik Malaysia pasca COVID-19 dengan menggiatkan promosi 'negeri hijau' Perak serta kepelbagaian produk pelancongan dan rekreasi Sarawak. Pada tahun 2018, nilai ditambah industri pelancongan Malaysia menyumbang sebanyak 15.2 peratus kepada KDNK berbanding 14.6 peratus bagi tahun sebelumnya.
2. Pengumuman insentif cukai melalui PENJANA dijangka berupaya meletakkan Malaysia antara Negara paling kompetitif di ASEAN bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI). Langkah ini diambil bagi menyelamatkan serta melindungi pekerjaan, memastikan kelangsungan perniagaan dan menggalakkan pelaburan. Jumlah pelaburan langsung asing meningkat kepada RM31.7 bilion pada tahun 2019 daripada RM30.7 bilion tahun sebelumnya.
3. Inisiatif Kerajaan melalui Pakej PRIHATIN telah memperuntukkan RM530 juta untuk pemberian diskaun bagi penggunaan elektrik Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk tempoh enam bulan. Inisiatif ini telah meringankan beban kewangan rakyat Malaysia semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada tahun 2019, sumbangan sektor Elektrik dan Gas kepada KDNK adalah sebanyak 2.2 peratus berbanding 2.1 peratus tahun sebelumnya.

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **PKPB: Harga gunting, dandan rambut dijangka naik antara RM3-RM10**<br>Peningkatan kos tersebut perlu bagi keselamatan pelanggan, selain memastikan kelangsungan industri tersebut yang sudah dilarang beroperasi hampir tiga bulan sejak | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpb-harga-gunting-dandan-rambut-dijangka-naik-antara-rm3-rm10-245939 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu. Harga baharu itu dijangka diumumkan dalam tempoh terdekat oleh persatuan dan pengusaha kedai gunting rambut di seluruh negara. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Pengecualian cukai jualan, harga kereta lebih murah**<br><br>Harga kereta penumpang dijangka menurun bermula pertengahan bulan ini hingga akhir tahun, dengan jumlah penurunannya akan mengambil kira faktor lain berkaitan ekosistem automotif secara keseluruhan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/06/696933/pengecualian-cukai-jualan-harga-kereta-lebih-murah |

Penemuan penting & isu:

1. Harga perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara dijangka meningkat antara RM3 hingga RM10 susulan pengusaha kedai gunting dan dandan rambut terpaksa menampung kos operasi sebaik sahaja ia mula beroperasi pada 10 Jun ini. Dianggarkan harga perkhidmatan gunting rambut adalah sekitar RM10 hingga RM15 bagi kedai-kedai di luar bandar, sementara RM20 hingga RM25 bagi kedai di bandar.
2. Menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi negara (PENJANA) bahawa kerajaan akan mengecualikan cukai jualan sepenuhnya bagi kereta penumpang CKD dan 50 peratus bagi model CBU bermula 15 Jun 2020. Harga kereta CKD dijangkakan menurun hampir 10 peratus dan model CBU pula lima peratus berdasarkan pengiraan cukai jualan yang perlu diketepikan oleh pengeluar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga perkhidmatan gunting rambut akan memberi kesan kepada IHP Jun 2020 bagi kelas perbelanjaan Salon mendandan rambut & kedai solek.
2. Bahagian mengambil maklum pengecualian cukai jualan kenderaan penumpang akan memberi kesan kenapa Harga jualan kenderaan baru dan sekaligus akan memberi kesan kepada IHP Jun bagi Sub kumpulan Pembelian Kenderaan.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro** | **Tiga fokus JKM Negeri Sembilan bantu gelandangan**<br><br>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan menekankan tiga fokus utama dalam usaha membantu gelandangan di negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/588448/tiga-fokus-jkm-negeri-sembilan-bantu-gelandangan |
| 2. | **Harian Metro** | **Sektor pelancongan, perhotelan bernyawa semula**<br><br>Kempen pelancongan domestik perlu dirancakkan semula selepas kembali bernyawa susulan kerajaan membenarkan rakyat melancong di dalam negara. Hal ini penting bagi memastikan industri pelancongan dan perhotelan tempatan kembali segar selepas hampir tiga bulan terhenti akibat pandemik COVID-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/587401/sektor-pelancongan-perhotelan-bernyawa-semula |
| 3. | **Malaysia Kini** | **PKP pemulihan 10 Jun, pelbagai kegiatan dibenarkan**<br><br>Perdana Menteri Muhyiddin Yassin mengumumkan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) bagi menggantikan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) bermula 10 Jun ini hingga 31 Ogos. | https://www.malaysiakini.com/news/529156 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Malaysia Kini** | **PKP Pemulihan : Sekolah dibuka semula secara berperingkat**<br><br>Sekolah akan dibuka semula secara berperingkat pada tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) yang akan bermula 10 Jun hingga 31 Ogos ini. | https://www.malaysiakini.com/news/529157 |
| 5. | **Harian Metro** | **PKPB: Kerajaan hantar pulang 2,189 PATI Indonesia bermula hari ini**<br><br>Seramai 2,189 pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia yang berada di depoh-depoh tahanan imigresen di seluruh negara akan dihantar pulang dalam penghantaran fasa pertama ke republik itu bermula Sabtu. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpb-kerajaan-hantar-pulang-2-189-pati-indonesia-bermula-hari-ini-245921 |
| 6. | **Harian Metro** | **Lebih dua juta dijangka menganggur**<br><br>JOBSTREET.COM mendedahkan lebih daripada 2 juta rakyat Malaysia dijangka menganggur berikutan impak penularan pandemik COVID-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/585470/lebih-dua-juta-dijangka-menganggur |
| 7. | **Harian Metro** | **Kursus dalam talian meningkat, peluang IPT tingkat pasaran global**<br><br>Pembelajaran dalam talian membuka peluang baharu buat semua institusi pendidikan tinggi dalam usaha melakukan transformasi walaupun ketika | http://www.astroawani.com/berita-bisnes/kursus-dalam-talian-meningkat-peluang-ipt-tingkat-pasaran-global-245459 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | krisis kesihatan COVID-19 melanda dunia. | |
| 8. | **Harian Metro** | **Ramai mahu berkahwin pada musim PKP**<br><br>Bakal pengantin yang mahu disatukan dan perlu merentas negeri kini boleh berbuat demikian dengan memohon kebenaran polis. | https://www.hmetro.com.my/utama/2020/06/585354/rupanya-ramai-mahu-kahwin |

Penemuan penting & isu:

1. JKM bekerjasama dengan Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Sembilan dan PBT untuk membantu gelandangan mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Bagi gelandangan yang tidak layak kerana beberapa faktor terutama berstatus warga emas dan menghadapi masalah kesihatan, pihaknya akan berusaha memastikan mereka dapat dikembalikan kepada keluarga.
2. Menurut Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA), Datuk Mohd Khalid Harun, sudah tiba masa pemain industri kembali mengaktifkan semula perniagaan masing-masing selepas kebenaran diberikan kerajaan. Ini secara tidak langsung membantu mengurangkan kadar pembuangan pekerja pelancongan dan perhotelan seperti yang berlaku sebelum ini.
3. Sejak pelaksanaan PKP dan PKPB penularan COVID-19 di Malaysia kian menurun, dengan kadar jangkitan di kalangan rakyat tempatan semakin rendah dan terkawal.
4. Protokol yang dikeluarkan dalam garis panduan ini merangkumi jarak sosial, kebersihan tangan, pemeriksaan kesihatan, pembersihan dan sanitasi, hebahan maklumat langkah kesihatan dan keselamatan, susun atur meja dan aplikasi MySejahtera.
5. Proses penghantaran pulang PATI juga akan menggunakan jalan laut, 1,294 PATI dijadualkan akan berlepas ke Medan pada 22 Jun ini. Ini (2,189 PATI) merupakan fasa pertama, manakala fasa kedua pula akan melibatkan 2,623 PATI yang akan dihantar pulang apabila proses dokumentasi selesai.
6. Kajian melaporkan lima bidang utama yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan majikan ialah bidang teknologi maklumat (IT), pembuatan, kewangan, e-dagang dan perkhidmatan kesihatan.
7. Peningkatan kes COVID-19 yang disebabkan oleh warga asing dapat dilihat secara ketara mulai 29 April lalu.
8. Menurut Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri semalam, bersetuju memberi kebenaran merentas negeri untuk memudahkan urusan akad nikah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Senarai gelandangan boleh diperoleh daripada pihak berwajib bagi memastikan Banci 2020 diliputi secara menyeluruh.
2. Keputusan kerajaan membenarkan sektor pelancongan kembali beroperasi dapat membuka peluang kepada penduduk untuk meningkatkan isi pendapatan. Soalan berkaitan pekerjaan dan maklumat pendapatan Isi Rumah akan dikutip semasa Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan bagi mengetahui kesan penularan wabak COVID-19 kepada ekonomi penduduk dan negara.
3. Meningkatkan taraf kebajikan penduduk dengan menyalurkan bantuan kepada penduduk Malaysia yang terkesan akibat PKP dan PKPB yang telah dilanjutkan dalam tempoh masa yang lama memberi impak kepada Taraf pendapatan Isi Rumah juga bagi operasi Banci 2020.
4. Penurunan kes positif COVID-19 ekoran tahap patuh pada pelaksanaan PKP dan PKPB. Oleh yang demikian, bilangan individu sembuh dijangka akan meningkat di negara kita ini.
5. Kawalan yang diperketatkan adalah langkah terbaik bagi memastikan wabak COVID-19 serta virus berjangkit lain dimusnahkan bagi mengelakkan jangkitan kepada pelajar sekolah dan orang awam.
6. Senarai warga asing di Malaysia boleh diperoleh daripada pihak berwajib bagi memastikan Banci 2020 diliputi secara menyeluruh.
7. Penularan wabak COVID-19 secara keseluruhannya menjejaskan aktiviti ekonomi Malaysia dan menyebabkan peningkatan pengangguran yang ketara. Pendapatan bagi setiap Isi Rumah akan terjejas dan akan memberi kesan pada data yang akan dikutip semasa Banci 2020. Soalan berkaitan pekerjaan dan maklumat pendapatan Isi Rumah akan dikutip semasa Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan bagi mengetahui kesan penularan wabak COVID-19 kepada ekonomi penduduk dan negara.
8. Pelaksanaan PKP menjadi titik tolak kepada perubahan besar dalam sistem pendidikan Malaysia. Platform media sosial dan digital digunakan untuk memastikan sesi pembelajaran terus berjalan. Oleh itu, jumlah penduduk yang menggunakan internet dijangka akan meningkat pada tahun 2020. Soalan mengenai tahap capaian pengguna internet di dalam sesebuah TK dan setiap ahli isi rumah telah dimasukkan dalam soal selidik Banci 2020. Ianya bagi mendapatkan jumlah TK dan perseorangan yang menggunakan kemudahan internet.
9. Bahagian akan mengambil maklum tentang data perkahwinan yang berlangsung semasa tempoh PKP dan PKPB. Data ini akan disemak untuk mengeluarkan statistik data perkahwinan dan perceraian bagi tujuan penerbitan Perangkaan Perkahwinan Dan Perceraian di Malaysia.

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **172 juruterbang, 111 kru, 50 jurutera bakal diberhentikan AirAsia**<br><br>Seramai lebih 300 pekerja AirAsia Bhd bakal dihentikan perkhidmatan mereka oleh syarikat penerbangan tambang murah itu dalam usaha pengecilan operasi susulan daripada situasi sukar akibat wabak koronavirus (COVID-19).<br><br>Dijangka melibatkan 111 kru kabin daripada 1,900 kru, 172 juruterbang dan 50 jurutera. Kesemua yang akan terlibat dalam skim pemberhentian itu akan dimaklumkan menerusi e-mel dalam tempoh 24 jam. AirAsia juga menjanjikan pampasan kepada semua yang terlibat. | https://www.sinarharian.com.my/article/86337/KHAS/Koronavirus/AirAsia-bakal-hentikan-lebih-300-pekerja |
| 2. | **Berita Harian** | **Kehilangan pekerjaan meningkat 42 peratus pada suku pertama – PERKESO**<br><br>Berikutan pandemik COVID-19, kehilangan pekerjaan di negara ini meningkat sebanyak 42 peratus untuk suku pertama tahun ini (Q1 2020), menurut Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).<br><br>Trend ini hanya dijangka meningkat dari April 2020, dengan kehilangan pekerjaan meningkat 50 peratus kepada 200 peratus tahun ke tahun | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/696090/kehilangan-pekerjaan-meningkat-42-peratus-pada-suku-pertama-perkeso |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bagi setiap suku berikutnya pada 2020.<br><br>61 peratus yang kehilangan pekerjaan adalah dalam kalangan pekerja berusia 40 tahun dan ke bawah, dengan 31 hingga 40 tahun menyumbang 32 peratus manakala pekerja di bawah 30 tahun sebanyak 29 peratus. | |
| 3. | **Berita Harian** | **MR. D.I.Y. tawar 1,000 peluang kerja**<br><br>Syarikat tempatan, MR. D.I.Y. menawarkan lebih 1,000 pekerjaan kepada rakyat Malaysia untuk memenuhi peningkatan permintaan bagi kepakaran yang relevan di cawangan seluruh negara dan ibu pejabatnya di Selangor.<br><br>Terdapat kekosongan untuk rakyat Malaysia dengan set kemahiran relevan di lebih 600 cawangannya seluruh negara. Tawaran itu yang sah selama tiga bulan dari 1 Jun turut menggalakkan permohonan daripada orang kelainan upaya (OKU). | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/06/698380/mr-diy-tawar-1000-peluang-kerja |
| 4. | **Berita Harian** | **PKPP buka peluang industri hotel kembali beroperasi**<br><br>Keputusan kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan domestik dan rentas negeri membuka peluang kepada industri hotel kembali beroperasi dengan masing-masing sudah bersiap sedia mematuhi kebiasaan baharu. | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/06/698369/pkpp-buka-peluang-industri-hotel-kembali-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia akan memasuki Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan banyak kelonggaran diberikan, memberi kelegaan serta menjana semula ekonomi negara. | |
| 5. | **Berita Harian** | **Program subsidi upah memanfaatkan 2.3 juta pekerja**<br><br>Sebanyak RM4 bilion subsidi upah sudah diluluskan sehingga 5 Jun lalu kepada 293,033 majikan yang memanfaatkan 2.3 juta pekerja. Menteri Kewangan, berkata ia peningkatan jumlah yang diluluskan sebanyak RM780 juta untuk 100,000 pekerja berbanding dua minggu sebelumnya.<br><br>Katanya, bagi Program Pengekalan Pekerja atau (ERP) yang dikawal selia oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai 202,000 pekerja diluluskan bersamaan dengan RM121 juta sehingga 5 Jun lalu. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/698253/program-subsidi-upah-memanfaatkan-23-juta-pekerja |
| 6. | **Berita Harian** | **Operasi penghantaran makanan turut sampai jam 12 malam**<br><br>Operasi penghantaran makanan menerusi khidmat penghantar motosikal dibenarkan sehingga jam 12 tengah malam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Menteri Kanan (Keselamatan), berkata peraturan itu terpakai sama seperti kebenaran premis | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/698724/operasi-penghantaran-makanan-turut-sampai-jam-12-malam |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | makanan beroperasi sehingga jam 12 tengah malam.<br><br>Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perkhidmatan ini hanya dibenarkan beroperasi sehingga jam 8 malam, manakala semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pula sehingga jam 10 malam. | |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai lebih 300 pekerja AirAsia Bhd bakal diberhentikan perkhidmatan mereka oleh syarikat penerbangan tambang murah itu yang dalam usaha pengecilan operasi susulan daripada situasi sukar akibat wabak koronavirus (COVID-19).
2. Trend kehilangan pekerjaan dijangka meningkat dari April 2020, dengan kehilangan pekerjaan meningkat 50 peratus kepada 200 peratus tahun ke tahun bagi setiap suku berikutnya pada 2020.
3. Syarikat tempatan, MR. D.I.Y. menawarkan lebih 1,000 pekerjaan kepada rakyat Malaysia bagi memenuhi peningkatan permintaan bagi kepakaran yang relevan di cawangan seluruh negara dan ibu pejabatnya di Selangor.
4. Keputusan kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan domestik dan rentas negeri semasa PKPP telah membuka peluang kepada industri hotel kembali beroperasi.
5. Sebanyak RM4 bilion subsidi upah sudah diluluskan sehingga 5 Jun lalu kepada 293,033 majikan yang memanfaatkan 2.3 juta pekerja. Jumlah yang diluluskan meningkat sebanyak RM780 juta untuk 100,000 pekerja berbanding dua minggu sebelumnya.
6. Operasi penghantaran makanan menerusi khidmat penghantar motosikal termasuk operasi premis makanan dibenarkan sehingga jam 12 tengah malam sepanjang tempoh PKPP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemberhentian pekerja yang telah dilaksanakan di salah sebuah syarikat penerbangan di Malaysia akan menjejaskan bilangan pekerja dalam aktiviti pengangkutan udara dan aktiviti ini adalah subsektor di dalam industri pengangkutan dan penyimpanan. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja dalam industri pengangkutan dan penyimpanan adalah seramai 667.6 ribu orang.
2. Mulai bulan April 2020, bilangan penganggur dijangka akan meningkat dari bulan sebelumnya. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh Mac 2020, bilangan penganggur adalah seramai 610.5 ribu orang yang mencatatkan kadar

pengangguran sebanyak 3.9%. Kadar pengangguran yang tinggi ini dipengaruhi terutamanya oleh impak negatif PKP ke atas pasaran buruh.

3. Penawaran pekerjaan yang meningkat akan mula menampakkan kesan pada kadar penyertaan tenaga buruh bermula Jun 2020. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh Mac 2020, kadar penyertaan tenaga buruh turun 0.1 mata peratus daripada 68.7 peratus pada Februari 2020 kepada 68.6 peratus pada Mac 2020 selepas mencatatkan KPTB tertinggi pada Januari 2020 (68.9%).
4. Keputusan kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan domestik dan rentas negeri semasa pelaksanaan PKPP dijangka akan memberi peluang aktiviti tersebut untuk kembali menjana pendapatan berikutan industri tersebut terjejas teruk sebelum ini. Berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018, purata gaji dan upah bulanan bagi pekerja dalam industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman adalah sebanyak RM1,914.
5. Program Subsidi Upah yang juga penambahbaikan dan perluasan kepada Program Pengekalan Pekerja (ERP) merupakan langkah bagi membendung jumlah pengangguran.
6. Pelanjutan operasi penghantaran makanan dan premis makanan sehingga jam 12 tengah malam akan memberi kesan kepada jumlah jam bekerja dalam industri berkenaan berbanding semasa tempoh PKP dan PKPB yang dihadkan sehingga jam 8 dan 10 malam. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, purata jam bekerja dalam industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman adalah 45.6 jam. Sementara itu berdasarkan Survei Tenaga Buruh Mac 2020, terdapat peningkatan yang ketara bagi mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu iaitu seramai 1.12 juta orang penduduk bekerja berbanding 366.3 ribu orang yang dicatatkan pada bulan Februari 2020.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br><br>4 Jun 2020 | **200 Tindakan Sepanjang Operasi Air Raya 2020**<br><br>Kementerian Alam Sekitar dan Air menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan 200 tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya sepanjang Operasi Air Raya 2020 yang bermula 14 Mei hingga 29 Mei lalu. | https://www.sinarharian.com.my/article/86289/BERITA/Nasional/200-tindakan-sepanjang-Operasi-Air-Raya-2020 |

| | | | |
|---|---|---|---|
